



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KECENDERUNGAN PELAJAR DALAM MEMILIH EKONOMI ASAS
SEBAGAI MATA PELAJARAN ELEKTIF DI KELANTAN

NURHASMUNI BINTI CHE HASSAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN EKONOMI
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar dalam memilih Ekonomi Asas sebagai mata pelajaran elektif di Daerah Machang, Kelantan. Kajian ini memfokuskan kepada kecenderungan pelajar tingkatan empat dalam memilih mata pelajaran Ekonomi Asas di Daerah Machang, Kelantan. Terdapat empat faktor yang dikaji iaitu sikap, pengaruh ibu bapa, peranan guru dan pengaruh rakan sebaya. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada 262 orang pelajar tingkatan empat yang dipilih secara persampelan rawak mudah. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian mendapati tiada perbezaan yang signifikan dalam pemilihan mata pelajaran Ekonomi Asas berdasarkan kepada lokasi sekolah, jantina dan pendapatan ibu bapa. Kajian ini juga mendapati faktor sikap, pengaruh ibu bapa dan peranan guru mempunyai hubungan korelasi positif dengan kecenderungan pelajar dalam memilih mata pelajaran Ekonomi Asas. Namun begitu, kekuatan hubungan yang dikenal pasti adalah lemah. Hasil kajian menunjukkan bahawa hanya faktor sikap dan peranan guru merupakan faktor yang signifikan terhadap kecenderungan pelajar dalam memilih mata pelajaran Ekonomi Asas. Implikasinya, guru perlu memainkan peranan penting dalam mendorong sikap pelajar supaya lebih cenderung untuk memilih mata pelajaran Ekonomi Asas sebagai mata pelajaran elektif di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Di samping itu, kajian ini turut mengemukakan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan pada masa akan datang.



STUDENTS' TENDENCY IN CHOOSING BASIC ECONOMICS AS AN ELECTIVE SUBJECT IN KELANTAN

ABSTRACT

The purpose of this study was to survey the factors that influence student tendency in choosing Basic Economics as an elective subject. This study investigated the factors that contributed the selection of Basic Economics as an elective subject in the District of Machang, Kelantan. There were four factors that were investigated; attitude, parental influence, teacher's role and peer influence. The data was collected through questionnaires. The sample consisted 262 form four students who were randomly chosen from the district. The data were analyzed using descriptive and inferential analysis. The study revealed that school location, gender and parents' income did not significantly influence the students in selecting Basic Economics as their elective subject. This study also revealed that attitude, parental influence and teacher's role had a positive correlation in affecting the students' tendency to choose the Basic Economics subject. However, the correlation identified was weak. The findings indicated that only attitude and teacher's role were the main factors that influenced the students' tendency in choosing Basic Economics. The study implied that teacher plays an important role is important in influencing the students' attitude in selecting basic Economics as their elective subject at the Malaysian Certificate of Education level. Besides, this study also proposed some suggestions for future research.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	



1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Tujuan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Soalan Kajian	12
1.7	Hipotesis Kajian	12
1.8	Kerangka Teori Kajian	14
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	18



1.10	Kepentingan Kajian	22
1.11	Batasan Kajian	25
1.12	Definisi Operasional	27
1.12.1	Kecenderungan	27
1.12.2	Faktor	28
1.12.3	Mempengaruhi	28
1.12.4	Pelajar	29
1.12.5	Memilih (<i>Decision</i>)	29
1.12.6	Mata Pelajaran Ekonomi Asas	29
1.12.7	Sekolah Menengah di Daerah Machang	30
1.13	Rumusan	31

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	32
2.2	Pendidikan Ekonomi	33
2.3	Kajian-Kajian Lepas	36
2.4	Faktor Sikap	40
2.5	Faktor Rakan Sebaya	47
2.6	Penglibatan Ibu Bapa	50
2.7	Peranan Guru	55

2.8 Rumusan

62

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan

63

3.2 Reka Bentuk Kajian

64

3.3 Populasi dan Persampelan Kajian

66

3.4 Instrumen Kajian

68

3.5 Prosedur Kajian

72

3.6 Penganalisaan Data

73

3.6.1 Analisis Deskriptif

73

3.6.2 Analisis Inferensi

74

3.6.3 Analisis Ujian t dan F

80

3.7 Dapatan Kajian Rintis

95

3.8 Analisis Kebolehpercayaan (*Cronbach Alpha*)

98

3.9 Rumusan

100

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

102

4.2 Analisis Deskriptif

103

4.2.1 Profil Responden

103

4.3 Analisis Faktor Demografi

105

4.4	Analisis Korelasi	115
4.5	Analisis Regresi Berganda	120
4.6	Rumusan	124

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	126
5.2	Kesimpulan	127
5.3	Perbincangan Kajian	132
5.4	Cadangan Kajian	137
5.5	Rumusan	138

RUJUKAN		140
----------------	--	-----

LAMPIRAN A	Borang Soal Selidik	152
-------------------	---------------------	-----

LAMPIRAN B	Surat Kebenaran daripada Bahagian Perancangan Dasar Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia	157
-------------------	--	-----

LAMPIRAN C	Surat Kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan	158
-------------------	--	-----

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1.1 Misi Nasional	2
1.2 Bilangan Calon Sijil Pelajaran Malaysia Yang Mengambil Mata Pelajaran Ekonomi Asas (2008-2012)	8
1.3 Enrolmen Pelajar Yang Mengambil Mata Pelajaran Ekonomi Asas di Daerah Machang, Kelantan (2008-2014)	9
3.1 Taburan Item Soal Selidik Bahagian A	69
3.2 Taburan Item Soal Selidik Bahagian B	70
3.3 Taburan Skala Likert	71
3.4 Nilai Pekali Korelasi dengan Hubungan Antara Dua Pemboleh Ubah	76
3.5 Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	77
3.6 Ujian-t Perbezaan Pemilihan Mata Pelajaran Ekonomi Asas Berdasarkan Lokasi Sekolah	81
3.7 Ujian-t Perbezaan Pemilihan Mata Pelajaran Ekonomi Asas Berdasarkan Jantina	81
3.8 Ujian ANOVA Pemilihan Mata Pelajaran Ekonomi Asas Berdasarkan Kaum	82
3.9 Ujian Post Hoc Tukey Status Kaum Responden	84
3.10 Ujian ANOVA Pemilihan MPEA Berdasarkan Keputusan PMR Matematik	85
3.11 Ujian ANOVA Pemilihan MPEA Berdasarkan Keputusan PMR Kemahiran Hidup	86



Jadual	Muka Surat
3.12 Ujian ANOVA Pemilihan MPEA Berdasarkan Keputusan PMR Sains	87
3.13 Ujian-t Perbezaan Pemilihan MPEA Berdasarkan Bidang Aliran	88
3.14 Ujian-t Perbezaan Pemilihan MPEA Berdasarkan Lokasi Kediaman	89
3.15 Ujian ANOVA Pemilihan MPEA Berdasarkan Pendidikan Ibu	90
3.16 Ujian ANOVA Pemilihan MPEA Berdasarkan Pendidikan Bapa	91
3.17 Ujian ANOVA Pemilihan MPEA Berdasarkan Pekerjaan Ibu	92
3.18 Ujian ANOVA Pemilihan MPEA Berdasarkan Pekerjaan Bapa	93
3.19 Ujian ANOVA Pemilihan MPEA Berdasarkan Pendapatan Bulanan	94
3.20 Ujian-t Perbezaan Pemilihan MPEA Berdasarkan Memiliki Buku Ulangkaji Ekonomi Asas	95
3.21 Nilai Pekali Cronbach Alpha Kajian Rintis	98
3.22 Nilai Pekali Cronbach Alpha Soal Selidik	100
4.1 Bilangan Responden Mengikut Sekolah	104
4.2 Taburan Latar Belakang Responden	106
4.3 Latar Belakang Pencapaian Akademik Responden	109
4.4 Latar Belakang Akademik Ibu Bapa	111
4.5 Latar Belakang Sosio- Ekonomi Ibu Bapa	114
4.6 Pekali Kolerasi Antara Pemboleh Ubah	116
4.7 Hubungan Faktor Sikap dengan Pemilihan Mata Pelajaran Ekonomi Asas	117
4.8 Hubungan Faktor Penglibatan Ibu Bapa dengan Pemilihan Mata Pelajaran Ekonomi Asas	118





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Jadual

Muka Surat

4.9	Hubungan Faktor Peranan Guru dengan Pemilihan Mata Pelajaran Ekonomi Asas	118
4.10	Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya dengan Pemilihan Mata Pelajaran Ekonomi Asas	119
4.11	Ringkasan Model Regresi Berganda	121
4.12	Ujian F	122
4.13	Pekali Regresi Berganda	124
5.1	Ringkasan Dapatan Kajian	130



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 <i>Model Theory of Planned Behavior</i>	17
1.2 Kerangka Konseptual Kecenderungan Pelajar Memilih Mata Pelajaran Ekonomi Asas	18
2.1 Elemen-Elemen Pendidikan Ekonomi Wentland (2004)	34



SENARAI SINGKATAN

Singkatan

KPM	-Kementerian Pendidikan Malaysia
MPEA	-Mata Pelajaran Ekonomi Asas
PMR	-Penilaian Menengah Rendah
SPM	-Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
KBSM	-Kurikulum Bersepadu sekolah Menengah
PD	-Perdagangan
PPK	-Pusat Pembangunan Kurikulum
SMK	-Sekolah Menengah Kebangsaan
SMK(A)	-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
KH	- Kemahiran Hidup
PTV	-Pendidikan Teknik dan Vokasional
RMK10	-Rancangan Malaysia Kesepuluh
SPSS	- <i>Statistical Package For The Social Sciences</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Matlamat Wawasan 2020 adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju mengikut acuan sendiri dari aspek ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan secara holistik menjelang tahun 2020. Dalam usaha berterusan kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020, satu rangka kerja baru telah diperkenalkan iaitu Misi Nasional (Unit Perancang Ekonomi, 2006). Misi Nasional (2006-2020) merupakan suatu agenda yang bertujuan untuk mencapai negara maju yang berprestasi tinggi.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Salah satu penekanan dalam Misi Nasional adalah pembangunan modal insan (Teras 2) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1

Misi Nasional

Teras	Misi
Teras 1	Meningkatkan ekonomi dan rantaian nilai lebih tinggi
Teras 2	Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama
Teras 3	Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif
Teras 4	Meningkatkan tahap dan kemampanan kualiti hidup
Teras 5	Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (2006).

Modal insan merupakan faktor pengeluaran yang sangat penting dalam semua aktiviti ekonomi. Ini adalah kerana modal insan mempunyai perkaitan dengan pertumbuhan ekonomi dan juga merupakan penggerak kepada ekonomi dalam era globalisasi. Menurut Venhorst, Dijk dan Wissen (2010) menyatakan bahawa modal insan merupakan kunci utama kepada teori pertumbuhan ekonomi moden.

Kepentingan modal insan telah memberi inisiatif kepada kerajaan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengukuhkan sistem pendidikan. Tambahan pula, pada era ini pembangunan modal insan menjadi teras dalam menjana ekonomi negara yang berasaskan pengetahuan.

Dalam usaha merealisasikan negara maju pada tahun 2020, penekanan terhadap sumber manusia merupakan aspek penting yang harus diutamakan. Ini kerana sumber manusia merupakan enjin kepada pertumbuhan ekonomi Negara terutamanya tenaga belia yang mempunyai disiplin yang tinggi, berpendidikan dan berkemahiran (Yassin, 2010). Justeru itu, negara perlu merealisasikan tuntutan untuk melahirkan modal insan yang berilmu, berpengetahuan tinggi dan tenaga profesional bagi menyediakan keperluan dalam ekonomi yang berasaskan pengetahuan di peringkat antarabangsa (Ibrahim Ahmad Bajunid, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi membangunkan modal insan yang seimbang dari semua aspek, ianya memerlukan satu tempoh masa yang agak panjang. John Psarras (2006) menyatakan bahawa sesuatu benda boleh dihasilkan dalam tempoh yang singkat sahaja tetapi berbeza untuk membangunkan modal insan yang memerlukan tempoh yang panjang iaitu sekurang-kurangnya 10 hingga 15 tahun. Modal insan yang dilengkapi dengan pengetahuan ekonomi dapat memenuhi keperluan negara selaras dengan hasrat kerajaan untuk mempergiatkan kegiatan ekonomi berasaskan pengetahuan (*knowledge based economy*).

Dalam usaha mencapai negara maju, pembangunan modal insan perlu sentiasa digilap kerana ianya merupakan elemen penting untuk memastikan masyarakat terus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



berdaya saing pada zaman ekonomi sejagat ini yang berteraskan kepada ilmu pengetahuan dan bertunjangkan sains dan teknologi. Justeru itu, langkah kerajaan memperkenalkan mata pelajaran Ekonomi Asas kepada pelajar tingkatan 4 dan 5 merupakan salah satu usaha yang wajar bagi melahirkan modal insan yang menguasai ilmu asas ekonomi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bagi kebanyakan negara di seluruh dunia, mata pelajaran Ekonomi mula diajar bermula sejak di peringkat sekolah menengah lagi. Jephcote (2004) menjelaskan kurikulumnya turut menitikberatkan nilai pembangunan modal insan dan kerjaya pelajar. Mata pelajaran Ekonomi adalah perlu untuk dipelajari pada peringkat awal menengah walaupun kurikulumnya yang lebih mendalam akan diajar apabila melanjutkan pelajaran pada peringkat kolej ataupun universiti. Hal ini, disokong oleh kajian (Caropreso dan Haggerty, 2000) yang berpendapat bahawa masa yang terbaik bagi seseorang individu untuk mempelajari dan menguasai mata pelajaran ini adalah ketika berada di peringkat sekolah menengah lagi.

Begitu juga dengan Malaysia, mata pelajaran Ekonomi Asas (MPEA) juga telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara. Kurikulum mata pelajaran Ekonomi Asas diperkenalkan pada tahun 1991 di bawah rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). MPEA merupakan salah satu mata pelajaran



elektif di bawah kumpulan Teknik dan Vokasional yang hanya ditawarkan kepada pelajar tingkatan empat dan lima sahaja. Namun, tidak semua pelajar akan memilih MPEA kerana mereka diberi kebebasan untuk memilih mata pelajaran elektif yang diminati berdasarkan keputusan PMR masing-masing.

Sukatan MPEA digubal adalah bertujuan untuk memberikan pemahaman yang utuh kepada pelajar berkaitan prinsip-prinsip asas dalam ekonomi. Selain itu, tujuan MPEA diperkenalkan adalah untuk melahirkan warganegara Malaysia yang dapat memahami prinsip-prinsip ekonomi dunia moden dan membuat keputusan yang rasional untuk kemampanan ekonomi negara. Pembelajaran Ekonomi Asas juga dapat melatih minda para pelajar supaya mereka menjadi lebih kritis dan kreatif. Selain itu, mata pelajaran ini juga dapat melatih para pelajar dengan kemahiran-kemahiran generik seperti kemahiran interpersonal, mengurus dan menyelesaikan masalah. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003).

Penawaran mata pelajaran elektif seperti MPEA di peringkat SPM dijangka dapat membantu pelajar memberi pengkhususan dalam pelbagai bidang yang diminati. Melalui mata pelajaran ini, pelajar dapat memahami peranan individu sebagai pengguna dan pengeluar yang bertanggungjawab sekaligus dapat memberi sumbangan kepada ekonomi negara. MPEA ini digubal bertujuan memberi pemahaman asas dan kukuh tentang prinsip dan konsep ekonomi terutamanya dalam konteks Malaysia supaya pelajar dapat melaksanakan tugas dengan rasional dan berkesan dalam kehidupan seharian (Shahril, 1994).

Dengan itu, ternyata pendidikan Ekonomi Asas amat penting kepada setiap individu khususnya rakyat Malaysia. Namun tanpa kita sedari, jumlah pelajar yang memilih MPEA pada setiap tahun semakin merosot. Justeru, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan fenomena ini berlaku. Kajian ini akan memfokuskan kepada pelajar-pelajar MPEA yang mengambil MPEA di Daerah Machang, Kelantan. Terdapat tujuh daripada 10 buah sekolah yang menawarkan MPEA di Daerah Machang iaitu SMK Machang, SMK (A) Wataniah, SMK Abdul Samad, SMK Seri Intan, SMK Hamzah 1, SMK Hamzah 2 dan SMK Temangan. Lokasi ini dipilih kerana sekolah-sekolah tersebut didapati sesuai untuk menerangkan fenomena kemerosotan jumlah pelajar yang mengambil MPEA pada setiap tahun.

Justeru itu, kajian ini sangat penting untuk dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi kecenderungan pelajar dalam memilih MPEA. Daripada dapatan kajian ini juga diharap dapat membantu KPM, pentadbir sekolah mahu pun guru-guru dapat mengatur strategi atau pendekatan untuk menarik lebih ramai pelajar yang akan mengambil MPEA pada masa-masa akan datang. Ini kerana, ilmu asas ekonomi adalah sangat penting dan perlu bagi setiap individu dalam masyarakat memahami dan menguasai konsep-konsep ekonomi untuk menjalani kehidupan seharian. Tanpa berbekalkan pengetahuan asas dalam ekonomi, masyarakat tidak dapat bersatu dalam membuat keputusan-keputusan ekonomi yang boleh menguntungkan diri, masyarakat dan negara.



1.3 Pernyataan Masalah

Langkah kerajaan memperkenalkan MPEA di peringkat menengah atas adalah satu langkah yang tepat. Namun, mata pelajaran ini dikelaskan di bawah kumpulan mata pelajaran pilihan atau elektif. Maka, pemilihan mata pelajaran ini dalam kalangan pelajar adalah tidak menyuluruh. Fenomena ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya adalah sikap pelajar yang mendakwa mata pelajaran ekonomi dianggap sebagai satu mata pelajaran yang sukar untuk dipelajari. Menurut Mogab dan Sellers (2004) menyarankan bahawa untuk menguasai ilmu ekonomi, pelajar terlebih dahulu perlu menguasai tiga asas utama bagi mata pelajaran tersebut iaitu teori-teori, analisis dan aplikasi. Selain itu, Calkins dan Welki (2006) mendapati faktor minat pelajar merupakan faktor terpenting yang mempengaruhi kecenderungan pelajar untuk memilih mata pelajaran ekonomi.

Justeru, masalah tersebut akan menjadi bertambah kompleks jika faktor penyebabnya tidak dikenal pasti dan ditangani dengan segera. Hal ini, seterusnya akan merugikan banyak pihak khususnya untuk mencapai negara maju menjelang 2020. Dalam konteks pendidikan Ekonomi Asas di Malaysia, sejak kebelakangan ini didapati bilangan pelajar yang memilih MPEA adalah semakin merosot dari setahun ke setahun. Fenomena ini jelas dapat dilihat melalui Jadual 1.2:





Jadual 1.2

Bilangan Calon Sijil Pelajaran Malaysia yang Mengambil Mata Pelajaran Ekonomi Asas 2008-2012

Tahun	Bilangan calon EA (Pelajar)	Peratus Peningkatan (%)	Bilangan Calon PD (Pelajar)	Peratus Peningkatan (Pelajar)
2008	90,502	-	113,113	-
2009	88,889	-1.78	121,434	7.36
2010	86,740	-2.42	125,125	3.04
2011	84,749	-2.30	126,583	-1.23
2012	82,660	-2.46	128,020	1.14
Purata	86,700	-2.24	122,855	2.58

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013).

Jadual 1.2 menunjukkan bilangan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mengambil mata pelajaran Ekonomi Asas (MPEA) dan Perdagangan dari tahun 2008 hingga 2012 di Malaysia. Berdasarkan jadual di atas, jumlah calon MPEA pada tahun 2008 adalah seramai 90,502 orang manakala, jumlah calon MPEA pada tahun 2012 adalah seramai 82,660 orang. Berpandukan jadual di atas, didapati jumlah calon yang mengambil MPEA dari tahun 2008 hingga tahun 2012 mengalami kemerosotan dengan purata penyusutan sebanyak -2.24% sepanjang tempoh lima tahun. Selain itu,



dari segi perbandingan jumlah calon secara purata juga dapat kita lihat iaitu jumlah calon MPEA adalah seramai 86,700 (-2.24%) orang adalah lebih rendah berbanding calon bagi mata pelajaran Perdagangan iaitu seramai 122,855 (2.58%) orang. Fenomena ini jelas menggambarkan bahawa pelajar yang mengambil MPEA adalah semakin merosot dan berada pada tahap yang membimbangkan.

Selain itu, bagi mengukuhkan lagi fakta tersebut, Jadual 1.3 dapat menjelaskan lagi senario sebenar yang berlaku ke atas MPEA.

Jadual 1.3

Enrolmen Pelajar yang Mengambil Mata Pelajaran Ekonomi Asas di Daerah

Tahun	Bilangan Pelajar (orang)	Peratus Peningkatan (%)	Penyusutan (orang)
2008	583	-	-
2009	525	-9.94	58
2010	439	-16.38	86
2011	404	-7.97	35
2012	343	-15.10	61
2013	335	-2.33	8
2014	321	-4.18	14
Purata	421	-7.99	37

Sumber: Pejabat Pendidikan Daerah Machang, Kelantan (2014).

Jadual 1.3 menunjukkan enrolmen pelajar yang mengambil MPEA sekolah menengah di Daerah Machang, Kelantan dari tahun 2008 hingga tahun 2014. Berdasarkan jadual tersebut, didapati bilangan pelajar yang mengambil MPEA pada tahun 2008 adalah seramai 583 orang, pada tahun 2009 seramai 525 orang, pada tahun 2010 seramai 439 orang, pada tahun 2011 adalah seramai 404 orang, pada tahun 2012 pula adalah seramai 343 orang, pada tahun 2013 adalah seramai 335 orang dan pada tahun 2014 pula adalah seramai 321 orang. Daripada bilangan tersebut, didapati jumlah pelajar yang mengambil MPEA mengalami kemerosotan iaitu sebanyak -9.9% pada tahun 2009. Begitu juga pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013 dan 2014 juga menunjukkan kemerosotan pelajar yang mengambil MPEA iaitu sebanyak -16.38%, 7.97%, 15.10%, -2.33% dan -4.18 masing-masing. Dengan itu, secara purata keseluruhan dapat dirumuskan bahawa bilangan pelajar yang mengambil MPEA mengalami kemerosotan seramai 37 orang (-7.99%) pada setiap tahun bagi tempoh sepanjang tujuh tahun perlu diberi perhatian yang lebih serius.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan mata pelajaran Ekonomi Asas di Daerah Machang, Kelantan.

1.4 Tujuan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah diketengahkan bagi kajian ini, maka tidak dapat dinafikan bahawa jumlah pelajar yang mengambil MPEA di tingkatan empat dari tahun ke tahun mengalami kemerosotan. Justeru itu, tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis faktor-faktor yang telah mempengaruhi pelajar dalam pemilihan MPEA semasa di tingkatan empat.

1.5 Objektif Kajian

Bagi memastikan kajian ini dijalankan secara lebih khusus, tujuan kajian dibahagikan kepada objektif-objektif seperti berikut:

1. Menganalisis perbezaan faktor kecenderungan pelajar memilih mata pelajaran Ekonomi Asas berdasarkan pemboleh ubah demografi.
2. Mengenal pasti hubungan antara faktor sikap, penglibatan ibu bapa, peranan guru dan pengaruh rakan sebaya dengan kecenderungan pelajar memilih mata pelajaran Ekonomi Asas.
3. Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar memilih mata pelajaran Ekonomi Asas.

1.6 Soalan Kajian

1. Adakah terdapat perbezaan faktor kecenderungan pemilihan mata pelajaran Ekonomi Asas berdasarkan pemboleh ubah demografi?
2. Adakah terdapat hubungan antara faktor sikap, penglibatan ibu bapa, peranan guru dan pengaruh rakan sebaya dengan kecenderungan pemilihan mata pelajaran Ekonomi Asas?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar memilih mata pelajaran Ekonomi Asas?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis-hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

1. H1: Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap kecenderungan pemilihan mata pelajaran Ekonomi Asas berdasarkan lokasi kediaman.
2. H2: Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap kecenderungan pemilihan mata pelajaran Ekonomi Asas berdasarkan jantina.
3. H3: Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap kecenderungan pemilihan mata pelajaran Ekonomi Asas berdasarkan kepada pendapatan ibu bapa.
4. H4: Tidak terdapat hubungan signifikan antara kecenderungan pemilihan mata pelajaran Ekonomi Asas berasaskan faktor sikap.
5. H5: Tidak terdapat hubungan signifikan antara kecenderungan pemilihan mata pelajaran Ekonomi Asas berasaskan faktor penglibatan ibu bapa.